

THE GREAT JOMBUS HUNT

TERMA & SYARAT / TERMS & CONDITIONS

BAHASA MALAYSIA

Sila baca Terma dan Syarat ini dengan teliti sebelum menyertai "The Great Jombus Hunt" ("Peraduan"). Dengan menyertai Peraduan ini, para peserta dianggap telah membaca, memahami, dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.

1. Penganjur

Peraduan ini dianjurkan oleh **YC Capital Sdn. Bhd.** ("Ayam Gepuk Pak Gembus" atau "Penganjur").

2. Tempoh Peraduan

Peraduan ini berlangsung dari **1 Ogos 2026 (12:00 pagi)** sehingga **20 September 2026 (11:59 malam)** ("Tempoh Peraduan"). Sebarang penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan tidak akan diterima.

3. Kelayakan Penyertaan

- Terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh penyertaan.
- Peserta hendaklah membuat pembelian minimum sebanyak RM35 dan ke atas dalam satu (1) resit untuk layak menyertai Peraduan ini.
- Kakitangan Ayam Gepuk (M) Sdn. Bhd., YC Capital Sdn. Bhd. serta ahli keluarga terdekat mereka adalah tidak layak untuk menyertai Peraduan ini.

4. Cara Penyertaan

1. Kunjungi mana-mana cawangan Ayam Gepuk Pak Gembus yang mengambil bahagian dan buat pembelian minimum sebanyak RM35 dan ke atas dalam satu resit.
2. Imbas Kod QR yang dipaparkan pada poster Peraduan.
3. Kira jumlah karakter JOMBUS yang terdapat pada poster.
4. Lengkapkan borang penyertaan dan muat naik gambar resit pembelian yang jelas.
5. Simpan resit asal sebagai bukti pembelian bagi tujuan pengesahan.
6. Setiap resit yang sah dikira sebagai satu (1) penyertaan.

5. Syarat Penyertaan

- Perbelanjaan minimum sebanyak RM35 (termasuk cukai) dan ke atas bagi setiap resit.
- Resit bagi pembelian makan di premis (dine-in), bungkus (takeaway) dan penghantaran (delivery) adalah layak untuk menyertai Peraduan.
- Peserta dibenarkan menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan sepanjang Tempoh Peraduan.
- Setiap resit hanya boleh digunakan sekali sahaja dan bersamaan dengan satu (1) penyertaan tanpa mengira jumlah keseluruhan pembelian dalam resit tersebut.
- Resit hendaklah jelas, boleh dibaca, bertarih dalam Tempoh Peraduan dan tidak diubah suai atau dipinda.
- Penganjur berhak membatalkan penyertaan mana-mana peserta yang disyaki melakukan penipuan, salah laku, penyalahgunaan atau manipulasi terhadap mekanisme Peraduan.

6. Hadiah

KATEGORI	HADIAH	KUANTITI
Hadiah Utama	iPhone 17 Pro Max	1
Hadiah Kedua	MacBook Neo	1
Hadiah Ketiga	Nintendo Switch 2	1
Hadiah Keempat	Sony Camera ZV-E10	1
Hadiah Kelima	Apple iPad Generasi Ke-11	1
Hadiah Keenam	DJI Osmo Pocket 4	1
Hadiah Saguhati	Apple Watch SE3	1
Hadiah Saguhati	Philips 6100 Smart TV 43"	1
Hadiah Saguhati	Garmin Forerunner 55	1
Hadiah Saguhati	Marshall Emberton Speaker	2
Hadiah Saguhati	OSIM Neck Massager	2
Hadiah Saguhati	Sony Headphones	2
Hadiah Mingguan	Gold Bar 0.5g (999)	7

- Semua hadiah tidak boleh dipindah milik, ditukar atau ditebus dalam bentuk wang tunai. Penganjur berhak menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah lain yang mempunyai nilai yang setara tanpa notis terlebih dahulu.
- Penebusan hadiah adalah tertakluk kepada ketersediaan. Pemilihan warna atau spesifikasi hadiah adalah tidak dibenarkan.
- Segala keputusan Penganjur berhubung Peraduan ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, rayuan atau pertikaian tidak akan dilayan.

7. Pemilihan Pemenang

7.1 Pemenang Mingguan

- Pemenang mingguan akan dipilih pada penghujung setiap minggu kempen daripada penyertaan yang layak diterima pada minggu berkenaan. Satu (1) pemenang akan dipilih setiap minggu untuk menerima satu (1) Gold Bar seberat 0.5 gram.
- Pengumuman pemenang akan dibuat melalui platform media sosial rasmi Ayam Gepuk Pak Gembus Malaysia di Instagram (IG) dan Facebook (FB) (@ayamgepukmalaysia) pada 8 Ogos, 15 Ogos, 22 Ogos, 29 Ogos, 5 September, 12 September dan 19 September 2026.
- Pemenang hadiah mingguan TIDAK layak untuk menyertai cabutan hadiah utama. Pemenang hadiah utama akan dipilih daripada baki penyertaan yang layak selepas Tempoh Peraduan tamat.
- Pemenang mingguan akan diumumkan sepanjang Tempoh Peraduan. Walau bagaimanapun, penyerahan hadiah hanya akan dilakukan selepas Tempoh Peraduan berakhir. Penganjur akan menghubungi setiap pemenang menggunakan maklumat perhubungan yang diberikan bagi mengatur urusan penyerahan atau penghantaran hadiah.

7.2 Cabutan Hadiah Utama

- Pemenang hadiah utama akan dipilih daripada penyertaan yang layak yang diterima sepanjang Tempoh Peraduan. Peserta dikehendaki menonton sesi siaran langsung (livestream) bagi mengikuti proses pengumuman pemenang.
- Pemilihan pemenang akan dijalankan menerusi sesi siaran langsung pada 2 Oktober 2026 melalui akaun TikTok rasmi Ayam Gepuk Pak Gembus Malaysia (@ayamgepukmalaysia).
- Semasa sesi siaran langsung, pemenang yang dipilih akan dihubungi melalui nombor telefon yang diberikan semasa penghantaran penyertaan. Penganjur akan membuat sehingga tiga (3) percubaan panggilan. Sekiranya pemenang gagal menjawab selepas tiga (3) percubaan, Penganjur berhak membatalkan kelayakan pemenang tersebut dan memilih peserta lain sebagai pengganti.

7.3 Notifikasi Pemenang

Pemenang hanya akan dihubungi melalui nombor telefon rasmi Penganjur (+6018-963 2007) melalui panggilan telefon dan/atau mesej WhatsApp. Pemenang mesti membalas dalam tempoh yang ditetapkan oleh Penganjur, kegagalan berbuat demikian membolehkan Penganjur memilih pemenang alternatif.

8. Penebusan Hadiah

- Pemenang hendaklah mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah serta bukti penyertaan apabila diminta. Penganjur berhak untuk mengesahkan penyertaan sebelum penyerahan hadiah. Hadiah hendaklah dituntut dalam tempoh yang ditetapkan.
- Bagi tujuan penebusan hadiah, pemenang dikehendaki mengemukakan Kad Pengenalan (MyKad) asal atau dokumen pengenalan diri lain yang sah yang dikeluarkan oleh kerajaan. Maklumat pada dokumen pengenalan tersebut mestilah sepadan dengan maklumat dalam borang penyertaan. Penganjur berhak menolak penebusan sekiranya maklumat tidak sepadan.
- Sekiranya pemenang tidak dapat hadir untuk menuntut hadiah secara peribadi, seorang wakil boleh menuntut hadiah bagi pihak pemenang dengan mengemukakan Surat Kuasa Wakil yang ditandatangani atau Borang Akuan yang diluluskan oleh Penganjur.
- Penganjur berhak meminta dokumen sokongan tambahan sekiranya perlu bagi mengesahkan identiti pemenang atau wakil.
- Segala kos peribadi dan/atau sebarang kos, fi dan perbelanjaan berkaitan untuk menyertai Peraduan, menghadiri majlis penyampaian hadiah atau menebus hadiah adalah di bawah tanggungjawab sepenuhnya peserta.
- Penerimaan Hadiah Utama merupakan persetujuan pemenang untuk mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti publisiti dan promosi yang diatur oleh Penganjur, termasuk temu bual, fotografi dan rakaman video.

9. Perlindungan Data Peribadi

Dengan menyertai Peraduan ini, peserta mengakui, memahami dan memberikan persetujuan kepada Penganjur untuk mengumpul, menggunakan, memproses dan, jika perlu, mendedahkan data peribadi mereka (termasuk nama penuh, tarikh lahir, dan maklumat perhubungan) bagi tujuan mengurus/mentadbir Peraduan, mengesahkan penyertaan dan pemenang, serta menghubungi peserta.

Peserta mengaku dan menjamin bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar, tepat dan lengkap. Penganjur akan memproses semua data peribadi mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("APDP") dan mengambil langkah munasabah untuk melindunginya.

10. Pembatalan Kelayakan

Penganjur berhak membatalkan kelayakan mana-mana peserta atau membatalkan mana-mana penyertaan sekiranya Penganjur secara munasabah mempercayai bahawa:

1. peserta telah melanggar Terma dan Syarat ini;
2. maklumat palsu, tidak tepat, mengelirukan atau tidak lengkap telah diberikan;
3. peserta terlibat dalam perlakuan penipuan, tidak jujur, penyalahgunaan atau menyalahi undang-undang;
4. penyertaan telah diubah suai atau dihantar melalui kaedah automatik, pelbagai akaun atau sebarang kaedah manipulasi; atau
5. peserta bertindak dengan cara yang boleh menjejaskan integriti, keadilan, reputasi atau pentadbiran Peraduan.

11. Hak Penganjur

Penganjur berhak untuk meminda Terma dan Syarat ini, menggantikan hadiah, atau membatalkan dan/atau menggantung Peraduan ini pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.

12. Had Tanggungan

Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap:

1. sebarang penyertaan yang hilang, lewat, tidak lengkap, tidak jelas, rosak atau tersalah hantar;
2. sebarang kerosakan teknikal, kesilapan sistem, kesilapan manusia, gangguan atau kegagalan yang menjejaskan penyertaan dalam Peraduan; dan
3. sebarang kerugian, kerosakan, kecederaan atau kekecewaan yang dialami oleh peserta akibat penyertaan dalam Peraduan atau penerimaan/penggunaan hadiah.

Semua hadiah diterima sepenuhnya atas risiko pemenang sendiri. Peserta hendaklah menanggung sepenuhnya segala liabiliti dan tanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kemalangan, kecederaan, kerosakan atau tuntutan yang timbul daripada penyertaan dalam Peraduan ini.

13. Undang-Undang Yang Terpakai

Terma dan Syarat ini hendaklah ditafsirkan, dikawal dan dikuatkuasakan menurut undang-undang Malaysia.

14. Bahasa

Terma dan Syarat ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan, percanggahan, kekaburan atau perbezaan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan mengatasi versi Bahasa Malaysia.

ENGLISH VERSION

Please read these Terms and Conditions carefully before participating in "The Great Jombus Hunt" ("Contest"). By participating in this Contest, participants are deemed to have read, understood, and agreed to be bound by these Terms and Conditions.

1. Organiser

This contest is organised by **YC Capital Sdn Bhd** ("Ayam Gepuk Pak Gembus" or the "Organiser").

2. Contest Period

The contest runs from **1 August 2026 (12:00AM)** until **20 September 2026 (11:59PM)** ('Contest Period'). Entries submitted outside the Contest Period will not be accepted.

3. Eligibility

- Open to Malaysian citizens aged 18 years and above at the time of participation.
- A minimum spend of RM35 and above in a single receipt at any Ayam Gepuk Pak Gembus outlet is required to participate.
- Employees of Ayam Gepuk (M) Sdn. Bhd and YC Capital Sdn. Bhd and their immediate family members are not eligible to participate in this contest.

4. How to Enter

1. Visit any participating outlet and make a purchase of RM35 and above in a single receipt.
2. Scan the QR Code provided on the poster.
3. Count the number of JOMBUS characters in the poster.
4. Complete the entry form and upload a clear photo of the receipt.
5. Keep the original receipt as proof of purchase for verification purposes.
6. Each valid receipt submitted counts as one (1) entry.

5. Entry Requirements

- Minimum spend: RM35 (including tax) and above per receipt.
- Receipts from dine-in, takeaway, and delivery orders are eligible for participation.
- Participants may submit multiple entries throughout the Campaign Period.
- Each receipt may only be used once and is equivalent to one (1) entry, regardless of the total amount spent on the receipt.
- Receipts must be clear, legible, dated within the Campaign Period, and must not be altered or tampered with.
- The Organiser reserves the right to disqualify any participant suspected of fraud, misconduct, abuse, or tampering with the Contest mechanism.

6. Prizes

CATEGORY	ITEM	QUANTITY
Grand Prize	iPhone 17 Pro Max	1
2nd Prize	MacBook Neo	1
3rd Prize	Nintendo Switch 2	1
4th Prize	Sony Camera ZV-E10	1
5th Prize	Apple iPad 11th Generation	1
6th Prize	DJI Osmo Pocket 4	1
Consolation Prize	Apple SE3 Watch	1
Consolation Prize	Philips 6100 Smart TV 43"	1
Consolation Prize	Garmin Forerunner 55	1
Consolation Prize	Marshall Emberton Speaker	2
Consolation Prize	OSIM Neck Massager	2
Consolation Prize	Sony Headphones	2
Weekly Prize	0.5g (999) Gold Bar	7

- Prizes are non-transferable, non-exchangeable, and not redeemable for cash. The Organiser reserves the right to substitute any prize with another prize of similar value without prior notice.
- Prize fulfillment is subject to availability. Colour selection is not permitted.
- The Organiser's decision on all matters relating to the Contest shall be final, conclusive, and binding. No correspondence, appeals, or disputes shall be entertained.

7. Prize Fulfilment

7.1 Weekly Winners

- Weekly winners will be selected at the end of each campaign week from eligible entries received during the respective week. One (1) winner will be selected each week to receive a 0.5gm Gold Bar.
- Announcement will be posted on Ayam Gepuk Pak Gembus Malaysia's official Instagram (IG) and Facebook (FB) platforms (@ayamgepukmalaysia) on 8th August, 15th August, 22nd August, 29th August, 5th September, 12th September, and 19th September 2026.
- Weekly prize winners will NOT be eligible for the Grand Prize draw. Grand Prize winners will be selected after the Contest Period has ended from the remaining eligible entries.
- Weekly winners will be announced throughout the Contest Period. However, prize collection will only take place after the Contest Period has ended. The Organiser will contact each winner using the contact details provided to arrange the prize collection or delivery.

7.2 Grand Prize Draw

- Grand Prize winners will be selected from eligible entries received within the Contest Period. Participants are required to watch the livestream to follow the winner announcement process.
- Selection will be conducted via a livestream session on 2nd October 2026 via Ayam Gepuk Pak Gembus Malaysia's official TikTok (TT) account (@ayamgepukmalaysia).
- During the livestream session, selected winners will be contacted via their written phone numbers in the entry submission. The Organiser will attempt to contact each selected winner up to three (3) times. Should the selected winner fail to answer after three (3) call attempts, the Organiser reserves the right to disqualify the selected winner and select another eligible participant as a replacement.

7.3 Winner Notification

Winners will be contacted only through the Organiser's official phone number, **+6018-963 2007**, via telephone call and/or WhatsApp message. Winners must respond within the timeframe specified by the Organiser, failing which the Organiser reserves the right to select an alternate winner. Participants are advised to disregard any communication claiming to represent the Organiser from any other number.

8. Prize Redemption

- Winners must provide valid identification and proof of entry upon request. The Organiser reserves the right to verify entries prior to prize distribution. Prizes must be claimed within the stipulated timeframe communicated.
- For prize collection, winners are required to present the original Identity Card (MyKad) or other valid government-issued identification. The identification details must match the information submitted in the Contest entry form. The Organiser reserves the right to refuse prize redemption if the identification presented does not correspond with the submitted entry details.
- If a winner is unable to collect the prize in person, a representative may collect the prize on the winner's behalf. The representative must present a signed Letter of Authorisation or Acknowledgement Form issued or approved by the Organiser.
- The Organiser reserves the right to request additional supporting documents where necessary to verify the identity of the winner or the authorised representative.
- All personal costs and/or any other costs, fees and/or related expenses that are incurred to participate in the Contest, to attend the prize giving ceremony, and to redeem the prize is the sole responsibility of the participant.
- Acceptance of the Grand Prize constitutes the winner's agreement to participate in any publicity and promotional activities arranged by the Organiser, including interviews, photographs, and video recordings, for use on the Organiser's marketing materials and official social media platforms.

9. Personal Data Protection

By participating in this campaign, participants acknowledge, understand, and consent to the collection, use, processing and where necessary, disclosure of their personal data, including their full name, date of birth, and contact details, by the Organiser for the purposes of administering and managing the contest, verifying entries and winners, and contacting participants regarding the campaign.

Participants represent and warrant that all information provided is true, accurate and complete. The Organiser shall process all personal data in accordance with the Personal Data Protection Act 2010 ("PDPA") and take reasonable steps to protect it from unauthorised access, use, disclosure, or misuse.

10. Disqualification

The Organiser reserves the right to disqualify any participant or invalidate any entry where the Organiser reasonably believes that:

1. the participant has breached these Terms and Conditions;
2. false, inaccurate, misleading, or incomplete information has been provided;
3. the participant has engaged in fraudulent, dishonest, abusive, or unlawful conduct;
4. the entry has been tampered with or submitted through automated means, multiple accounts, or any method intended to circumvent the rules of the Campaign; or
5. the participant has acted in a manner that may adversely affect the integrity, fairness, reputation, or proper administration of the Campaign.

11. Rights of the Organiser

The Organiser reserves the right to amend these Terms & Conditions, substitute prizes, or cancel/suspend the contest without prior notice.

12. Limitation of Liability

The Organiser shall not be responsible or liable for:

1. Any lost, late, incomplete, illegible, damaged, or misdirected entries;
2. Any technical malfunction, system error, human error, interruption, or failure affecting participation in the Contest;
3. Any loss, damage, injury, or disappointment suffered by participants arising from participation in the Contest or acceptance/use of any prize.

All prizes are accepted entirely at the winner's own risk. Unless expressly stated otherwise by the Organiser, the Organiser makes no representation or warranty, whether express or implied, regarding any prize, including its quality, fitness for purpose, merchantability, or suitability. The participants shall assume full liability and responsibility in case of any accident, injury, damage or claim resulting from participation in this Contest.

13. Governing Laws

These Terms and Conditions shall be construed, governed and interpreted in accordance with the laws of Malaysia. In the event of any dispute or in relation to the interpretation of these Terms and Conditions and/or obligations under these Terms and Conditions which cannot be resolved amicably, such disputes and differences shall be settled between the Organiser and the Participant.

14. Language

These Terms and Conditions are prepared in both English and Bahasa Malaysia. In the event of any inconsistency, conflict, ambiguity, or discrepancy between the English and Bahasa Malaysia versions, the English version shall prevail.